



## **SIARAN MEDIA**

### **OPERASI KE ATAS TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI ATAS TANAH KERAJAAN JALAN ULU YAM, SUNGAI TUA**

1. MPS pada 26 Oktober 2020 telah menyertai satu operasi serbuan bersepada ke atas tapak pembuangan sampah haram di atas tanah kerajaan di Jalan Ulu Yam, Sungai Tua. Operasi ini diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PDTG), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga wakil dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. Pada serbuan tersebut, telah didapati 4 struktur binaan tidak kekal dan 2 buah jentera berada di lokasi. Tindakan roboh telah dibuat ke atas binaan tersebut selaras dengan Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran dan juga sitaan ke atas 2 buah jentera oleh PDTG di bawah Akta Kanun Tanah Negara 1965. Kerja-kerja pembersihan sampah juga telah dilaksanakan di tapak oleh pihak MPS selain sitaan ke atas barang kitar semula yang dikumpulkan di kawasan tersebut.
3. Walaubagaimanapun, hasil lawatan yang dilakukan pada 28 Oktober 2020, didapati telah berlaku kebakaran dilokasi disyaki perbuatan khianat oleh pengelola tapak sampah haram ini. Kebakaran yang bermula pada jam 4 petang ini telah menyebabkan kerosakan sebahagian besar tapak dan menyukarkan pihak berkuasa untuk membuat pemantauan dan pemulihan ke atas tanah tersebut.
4. Pihak bomba telah dimaklumkan tentang perkara ini dan sebanyak dua buah Jentera Bomba telah dikerahkan ke lokasi tapak untuk mengawal kebakaran. MPS juga telah menghantar dua buah jentera untuk membantu kerja-kerja pembersihan. Satu laporan polis juga telah dibuat berkaitan insiden ini.



5. MPS amat kesal diatas kejadian ini dan akan terus berusaha untuk memastikan aktiviti tapak sampah haram dikawasan Selayang akan diterus dibanteras dengan bantuan agensi kerajaan yang berkaitan. MPS juga ingin memberi amaran kepada individu yang menjalankan aktiviti ini bahawa tindakan akan diambil ke atas mereka selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Korporat**

**B.P Yang Dipertua**

**Majlis Perbandaran Selayang**

**30 Oktober 2020**